


# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021


CIKGU ROZI PTTI

## BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

### Ciri Negara Bangsa Alam Melayu



### Ciri Negara Bangsa KMM



- Kerajaan
  - Kemunculan Raja
  - Pemerintahan **Pembesar Empat Lipatan**
  - Penggunaan gelaran Sultan
- Rakyat
  - Golongan diperintah memberi taat setia
  - Golongan Pemerintah menjaga keselamatan
  - **Unsur Timbal-Balik** (Raja – Rakyat)
- Kedaulatan
  - Maksud = Lambang **kekuasaan tertinggi** Sultan
  - Kedaulatan dilihat dari segi perakuan sesebuah kerajaan oleh kerajaan lain
  - Contoh: Sultan Melayu Melaka diperakui oleh Dinasti Ming China hingga mereka menghantar Laksamana Cheng Ho untuk erat hubungan Melaka-China
- Wilayah Pengaruh
  - Maksud = Kawasan pemerintahan raja yang **diakui** oleh rakyat
  - Semakin besar wilayah pengaruh semakin besar kekuatan sesebuah kerajaan
  - Wilayah Takluk = Diperoleh daripada **Peperangan**
  - Wilayah Naungan = Diperoleh daripada hubungan **Diplomatik**
- Undang-undang
  - 2 Undang-undang (**Bertulis & Tidak Bertulis**)
  - Bertulis = Hukum Kanun Melaka & Undang Laut Melaka
  - Tidak Bertulis = Adat Perpatih dan Temenggung


# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat
- Lambang Kebesaran
  - Maksud = **Identiti dan Keistimewaan** sesebuah kerajaan atau Sultan
  - Lambang ini juga menjadi simbol kedaulatan
  - Contoh: **Adat istiadat, Cap Mohor**, warna kuning dan sebagainya.

## PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT

- Hubungan antara Pemerintah dan Rakyat kekal harmoni disebabkan oleh konsep **Waadat** dan **Tulah** disamping **Unsur Timbal-Balik** yang diguna pakai dalam Kesultanan Melayu Melaka selama berkurun-kurun
- **Tulah** = Bermaksud kecelakaan atau Bala yang ditimpa seseorang rakyat akibat daripada menderhaka terhadap perintah Raja
- **Waadat** = Bermaksud Perjanjian



## ○ PERANAN SULTAN

- Jaga Keselamatan rakyat
- Menyatupadukan rakyat bagi mewujudkan perpaduan
- Perkenalkan Undang-undang untuk mengawal rakyat

## ○ PERANAN PEMBESAR

- Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat
- Perantara Sultan dan Rakyat

## ○ PERANAN RAKYAT

- Memberi taat setia kepada pemerintah
- Mematuhi segala arahan dan titah Raja untuk mengelak daripada terkena Tulah
- Menyumbang tenaga fizikal seperti menjadi Tentera, membina istana dan jalan

## BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

Faktor Kemunculan Nasionalisme di negara kita

### • Sistem Pendidikan

- Sistem pendidikan yang muncul terbahagi kepada 3 bentuk pendidikan iaitu :
  - **Pendidikan Islam**
  - **Pendidikan Melayu**
  - **Pendidikan Inggeris**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Islam – Madrasah Al-Attas, Madrasah Al-Masyhur dan Madrasah Al-Idrisiyah
- Inggeris – Maktab Melayu Kuala Kangsar dan Raffles Institution
- Melayu – Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)
- **Kemunculan Golongan Intelektual**
  - Hasil daripada perkembangan pendidikan maka akan lahir golongan-golongan Intelektual
  - Golongan Intelektual yang menjadi **penggerak kepada Gerakan Nasionalisme**
  - Golongan-golongan yang muncul ini datang daripada latar belakang pendidikan yang berbeza sama ada pendidikan Melayu, Inggeris Atau Islam
- **Peranan Agama**
  - Pelajar yang belajar ke Mesir terdedah dengan **Gerakan Islah** dibawah pimpinan **Sayyid Jamal Al-Din**
  - Gerakan ini menyeru umat Islam untuk kembali ke ajaran Islam sebenar dan menentang gerakan Imperialisme
- **Penulisan Kreatif**
  - Golongan Intelektual menggunakan saluran penulisan kreatif seperti **Novel, Cerpen Dan Puisi** sebagai wadah untuk menyedarkan rakyat mengenai keperitan yang dihadapi oleh rakyat
- Hal ini akan menyedar dan menaikkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat
- Contoh : **Puteri Gunung Tahan, Anak Mat Lela Gila** karya Ishak Haji Muhammad
- **Media Cetak**
  - Media cetak yang digunakan adalah seperti akhbar dan majalah sebagai **penyalur maklumat dan berita secara cepat dan pantas**
  - Contoh Media Cetak
    - *Jawi Peranakan*
    - *Sekola Melayu*
    - *Pengasuh*
- **Pengaruh Luar dan Serantau**
  - Pan-Islamisme = Turki Uthmaniyah (Gerakan Islah)
  - Kehebatan Jepun mengalahkan China dan Russia
  - Revolusi China oleh Dr Sun Yat Sen
  - Perjuangan **Mahatma Gandhi** di India
  - Perjuang **Jose Rizal** di Filipina

## BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN

- **FAKTOR KEDATANGAN JEPUN KE NEGARA KITA**
- Kedatangan Jepun
  - Serangan Tanah Melayu = 8 Dis 1941
  - Serangan Sabah / Sarawak = 16 Dis 1941

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Tujuan = **Memenuhi keperluan ekonomi (bahan mentah) & kepentingan ketenteraan**
- Propaganda = Slogan “**Semangat Asia**” dan “**Asia untuk orang Asia**”
  - Menanam semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia

	Gerakan menyerang dengan <b>Kombinasi angkatan tentera darat, udara dan laut</b> untuk menawan Tanah Melayu
--	---

FAKTOR	HURAIAN
Eksploitasi Sumber Bahan Mentah	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Jepun ingin eksploitasi bahan mentah utk keperluan industri ekoran <b>Pemodenan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun</b></li> <li>❖ Tanah Melayu = pengeluar timah dan getah di</li> <li>❖ Sarawak = minyak iaitu di Miri dan Lutong</li> <li>❖ Pendudukan Jepun merupakan sebahagian pembentukan kawasan <b>Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya</b> utk mengukuhkan ekonomi Jepun</li> </ul>
Kepentingan Strategik Ketenteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun</li> <li>❖ <b>Di hujung Semenanjung Tanah Melayu</b> terletak pangkalan tentera British (Singapura)</li> <li>❖ Penguasaan Singapura penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap <b>telaga minyak di Sumatera</b></li> <li>❖ Penguasaan Pulau Borneo penting utk menjayakan penaklukan di Pulau Jawa</li> <li>❖ <b><u>Strategi serangan kilat</u></b></li> </ul>

## • DASAR PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

### DASAR PENTADBIRAN TENTERA

- Peringkat Awal: Jepun jadi **Tanah Melayu + Sumatera = membentuk Kawasan Pertahanan Khas**
- Diletakkan di bawah pentadbiran tentera Jepun ke-25 yg berpusat di Singapura
- **April 1944 dipisahkan** kerana terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi ketara di bawah British dan Belanda
- **Kempetai**
  - Pasukan **polis tentera** utk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun.
  - **Ganas, kejam, menyeksa**, membunuh sesiapa disyaki sbg anti-pentadbiran Jepun

### DASAR TERHADAP RAJA-RAJA MELAYU

- Jepun iktiraf kedudukan **Raja<sup>2</sup> Melayu = Ketua Agama Islam & Adat Istitadat Melayu**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Diberi **pencen** sama seperti British sebelum perang
- Kedudukan Sultan di negeri masing<sup>2</sup> di bawah **Pengawasan Gabenor Jepun**
- Pengiktirafan dibuat semasa persidangan Raja<sup>2</sup> Tanah Melayu dan Sumatera di Singapura pada Januari 1943

## DASAR TERHADAP PEMIMPIN TEMPATAN

- Jepun beri peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yg berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan lebih tinggi
- Hal ini bagi atasi masalah kekurangan pegawai dan mendapat sokongan penduduk
- Penubuhan Institut **Latihan Pemimpin<sup>2</sup> Muda (Koa Kunrenjo)** untuk melatih dan menanam semangat memperjuangkan cita<sup>2</sup> politik penduduk tempatan

## DASAR EKONOMI (SISTEM EKONOMI KAWALAN)

<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Rancangan Pengeluaran (5 Tahun)</b></li><li>• Jawatankuasa Penyelidikan Bahan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Akibat kemelesetan ekonomi</li><li>❖ mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan</li></ul>
--	--

<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Rancangan Perindustrian (5 Tahun)</b></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Untuk bangunkan industri tempatan</li><li>❖ Memastikan penggunaan optimun peralatan dan kemudahan sedia ada</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Mata Wang</b></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Mata Wang Jepun dicetak menggantikan mata Wang British</li><li>❖ Dikenali sebagai "<b>Wang Pokok Pisang</b>"</li><li>❖ Dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi krn terlalu banyak Wang tapi kekurangan barangan di pasaran</li></ul>

## DASAR SOSIAL

### ✚ PENDIDIKAN

- **Menutup sekolah Inggeris dan Cina**
- Bangunan diguna utk keperluan pentadbiran
- Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan untuk membentuk semangat persaudaraan sejagat (Hakko Ichiu),
- Mencapai teknologi industri, disiplin, menerap **Nilai Jepun**
- Tentera Jepun berusaha pupuk nasionalisme Asia, hapuskan pengaruh Barat dan tanam kesetiaan kpd Jepun melalui pendidikan
- **Semangat Jepun (Nippon Seishin)**, hormat kebudayaan dan **Maharaja Jepun (Tenno Heika)**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Pengajaran **Bahasa Jepun (Nippon Go)** dlm usaha jadikan bhs Jepun sebagai **Lingua Franca** dalam Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya.
- Perhimpunan pagi menghadap arah negara Jepun - nyanyi Lagu Kebangsaan (Kimigayo)

- Catuan makanan dikuatkuasakan utk kawal penjualan barang asas spt beras, garam, gula
- **Kad catuan makanan** oleh Pejabat Kawalan Makanan untuk merekodkan tarikh, jenis dan kuantiti barang
- Menggalakkan penduduk menanam makanan sendiri melalui kempen “**Tambah Lebih Banyak Makanan**” utk cukupkan makanan dalam negeri
- **Keperitan hidup** menjadikan penduduk kreatif, berdikari dan hasilkan ciptaan baharu berasaskan bahan tempatan utk kelangsungan hidup spt tempe dr biji getah

## ✚ SIKAP JEPUN TERHADAP AGAMA

- Bagi elak penentangan, tentera Jepun hormat agama Islam dan adat Melayu serta **tidak campur tangan dalam adat resam tempatan**
- Kelas pengajian al-Quran dan sekolah agama diteruskan
- **Majlis Agama Negeri** dibentuk
- Persidangan agama Islam diadakan di Singapura dan Kuala Kangsar
- Tentera Jepun secara halus memanipulasi pegawai agama utk propaganda Jepun iaitu diminta sampaikan hal yang diputuskan oleh tentera dlm kelas agama dan surau
- **Masjid diguna** utk sampaikan titah sultan bagi **sokong dasar Jepun** spt tambah pengeluaran makanan dan tdk sebar khabar angin

## ✚ CATUAN MAKANAN

- Memperkenalkan **Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting** utk mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan

## BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH

### • GAGASAN MALAYAN UNION

- Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu
- Menggantikan BMA yang telah gagal

Ciri-Ciri Malayan Union	
PENTADBIRAN	KEWARGANEGARAAN
<b>Kesatuan (Digabung)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Negeri Melayu Bersekutu</li><li>○ Negeri Melayu Tidak Bersekutu</li><li>○ Negeri Selat (Kecuali Singapura)</li></ul>	<b>Prinsip <i>Jus Soli</i></b> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Semua lahir T.Melayu &amp; Singapura adalah warganegara</li><li>○ Umur 18 Atas: Warganegara (mastautin 10-15 tahun)</li></ul>
<b>Raja Melayu</b> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Ahli majlis Raja-Raja Melayu</li><li>○ Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu</li></ul>	

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

<b>Ketua Pentadbir</b> <ul style="list-style-type: none"><li>○ MU diketuai oleh Gabenor British</li><li>○ Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan dikawal oleh Pesuruhjaya Tinggi British</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Umur 18 Bawah: Warganegara (Ibu bapa warganegara)</li></ul>
---	---

## REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP MALAYAN UNION

### SEBAB PENENTANGAN

Malayan Union sebuah **PENJAJAHAN BARU** British

Raja-raja Melayu **KEHILANGAN KUASA**

### CARA BANTAHAN RAJA-RAJA MELAYU

<b>Permaisuri Perak</b> Memimpin Gerakan Menentang Malayan Union	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Raja Perempuan Kelsom mengetuai perarakan bersama wanita Perak di perhimpunan besar menentang Malayan Union</li></ul>
<b>Pulaukan Upacara Pelantikan Gabenor</b> Malayan Union	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Raja-raja Melayu bersama rakyat memulaukan upacara pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor</li><li>▪ Memboikot upacara pelantikan Gabenor</li><li>▪ Cara ini dicadangkan oleh Dato' Onn Jaafar</li></ul>

Membawa <b>Kes Malayan Union</b> ke Mahkamah Tinggi England	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kerana MacMichael mendapatkan persetujuan dengan cara tidak sah</li></ul>
Menghantar <b>Surat Bantahan</b> ke London	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kandungannya termasuk diugut untuk menandatangani</li><li>▪ Tidak diberikan peluang untuk berbincang dengan penasihat negeri</li></ul>
Menyokong <b>Kongres Melayu</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Raja-raja Melayu menyokong Kongres Melayu yang membantah Malayan Union</li><li>▪ Sultan Selangor menderma \$15 ribu kepada tuan rumah Kongres Melayu Pertama dan merasmikan kongres tersebut</li></ul>

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## PENENTANGAN RAKYAT TERHADAP MALAYAN UNION

Bantahan <b>Akhbar Melayu</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Akhbar Melayu mengutuk Malayan Union yang merugikan orang Melayu</li><li>•Menyeru orang Melayu membantah melalui perhimpunan besar-besaran</li><li>•Melaporkan perkembangan menentang Malayan Union</li></ul>
Bantahan <b>Cendekiawan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Bantahan daripada <u>tokoh pentadbir Melayu</u> dan <u>tokoh wanita</u></li></ul>
Bantahan <b>Persatuan Melayu</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•<u>Persatuan Melayu</u> menghimpunkan orang Melayu untuk membantah tindakan MacMichael melalui rapat umum</li></ul>
Bantahan <b>Negeri</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Kelantan: 10,000 orang berhimpun di Kota Bahru semasa MacMichael datang mendapatkan tandatangan sultan</li><li>•Kedah: Orang Melayu berarak di Alor Setar</li><li>•Johor: Dato' Onn Jaafar memimpin 20,000 orang Melayu berhimpun menentang Malayan Union</li></ul>
Bantahan <b>Kongres Melayu</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Za'ba menghubungi pemimpin-pemimpin negeri lain untuk menganjurkan Kongres Melayu yang bertahap kebangsaan</li><li>•Kongres ini bersetuju menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO)</li></ul>
Bantahan <b>UMNO</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•UMNO adakan bantahan besar-besaran di seluruh negara</li><li>•Gammans dan Rees Williams memerhati penentangan orang Melayu lalu laporkan pada British</li></ul>

## BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

### LATARBELAKANG PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- Diperkenalkan Bagi Menggantikan Malayan Union
- Sebuah Jawatankuasa Kerja Dibentuk Untuk Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- Terdapat Golongan Yang Mencadangkan Perlembagaan Alternatif iaitu Perlembagaan Rakyat.

### Jawatankuasa Kerja

- Tarikh Penubuhan: 25 Julai 1946
- Tujuan: Membincangkan Asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Ahli Jawatankuasa Kerja Ptm 1948
  - Wakil British
  - Wakil Raja Melayu
  - Wakil Umno

### **FAKTOR PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

#### **Penentangan Malayan Union**

- Orang Melayu, Raja Melayu, UMNO **bekerjasama membantah pelaksanaan Malayan Union** kerana Malayan Union Memberikan Kesan Buruk kepada Raja Melayu dan orang Melayu.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Gammans dan Rees Williams** telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union dan laporkannya Kepada Dewan Parlimen British lalu menyatakan **keadaan Huru-hara Akan Berlaku** di Tanah Melayu sekiranya Malayan Union dilaksanakan
- Semasa penentangan berlaku, rundingan mengenai PTM 1948 sudah dilakukan

## Cadangan Raja Melayu dan UMNO

- Pertemuan dan Rundingan Raja Melayu dengan pegawai-pegawai tinggi British di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 untuk mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan Isu Malayan Union.
- Raja-raja Melayu memberikan beberapa **cadangan** dalam pertemuan

Penubuhan Persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan

Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union

Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.

Raja berkuasa dalam perundangan

Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam Persekutuan yang baharu.

- Raja Melayu dan **Mendesak British Menerima Usul pembentukan Persekutuan**
- Gammans dan Rees Williams sampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak di Parlimen British.
- Kandungan surat baginda menyatakan bahawa Raja Melayu **Menandatangani** Persetujuan Malayan Union dalam **keadaan terburu-buru dan terpaksa**

## Sokongan Pegawai British


- Pentadbir British Sokong Konsep Persekutuan kerana **wujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi.**
- **Sir Ralph Hone** cadangkan British Libatkan Raja Melayu Dalam Pentadbiran dengan beri kuasa tertentu dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan
- Pembentukan Persekutuan **mewujudkan politik yang stabil** supaya dapat Mendorong Pelabur Luar Untuk Melabur di negara ini
- British juga perlu melaksanakan **Dasar Dekolonisasi** yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui **Piagam Atlantik**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI


## • CIRI-CIRI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 194

### Pentadbiran




- 9 Negeri Melayu + 2 Negeri Selat = **11 Negeri**
- **Singapura Kekal Tanah Jajahan** British
- Ketua = **Pesuruhjaya Tinggi British** yang mempunyai kuasa eksekutif.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan
- Majlis Mesyuarat Persekutuan = ahli rasmi + ahli tidak rasmi.
- Ahli Majlis Perundangan Persekutuan = pelbagai kaum.

### Kuasa Raja




- Sebuah **Majlis Raja-raja** dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu.
- Peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab **mengesahkan rang undang-undang** yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

### Perundangan



- **Majlis Perundangan** Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
- Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
- Rang undang-undang perlu mendapat **perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-raja**.

### Kewarganegaraan



- **Jus soli** hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British
- Pemohon yang lahir di luar negeri dengan syarat ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British.
- **Penduduk asal** dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
- Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, **memahami adat resam** dan bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.
- Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama **15 tahun daripada tempoh 20 tahun** dari hari permohonannya.
- Seseorang itu perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai **Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris** serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN DARURAT

### Lumpuhkan Ekonomi

- Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran komunis. Dari 1948-1956
- 80 lombong Bijih timah diserang.
- Merusakkan pokok getah, rumah asap, kedai

### Ancam Keselamatan Rakyat

- Komunis mengugut, mensabotaj, melakukan kekejaman,
- Membakar harta benda dan Membunuh Penduduk yang enggan bekerjasama.
- Serangan bom tangan Seramai 46 cedera dan 4 mati

## ANCAMAN KOMUNIS

### Rosakkan Infrastruktur

- Komunis menjalankan pelbagai Sabotaj terhadap kemudahan asas iaitu sistem pengangkutan dan perhubungan.
- Kenderaan ditembak. Kemudahan telefon, telegraf dan paip air dirosakkan.

### Ancam Pasukan Keselamatan

- ❖ PKM menyasarkan pasukan keselamatan dan pasukan polis

## USAHA MENANGANI ANCAMAN KOMUNIS

Kuat Kuasa Undang-Undang

Pasukan Keselamatan

Kad Pengenalan

Rancangan Briggs

Kempen Bulan Rakyat

Perintah Berkurung

Perang Saraf

Rundingan Baling

Tawaran Pengampunan

## BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN









### SISTEM AHLI

- British menjalankan dasar dekolonisasi,
  - **Dasar Dekolonisasi** = Menyediakan langkah berkerajaan sendiri dan kemerdekaan secara beransur-ansur kepada tanah jajahan.
- Pentadbiran kerajaan kurang pegawai tempatan
  - **Dato Onn Jaafar** minta menambah peluang pentadbiran kepada rakyat tempatan dalam menyediakan Tanah Melayu ke arah Kemerdekaan
- Membawa kepada pembentukan **SISTEM AHLI**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

Maksud	<ul style="list-style-type: none"><li>Merupakan sistem yang <b>melatih penduduk tempatan</b> menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.</li></ul>
Anggota	<ul style="list-style-type: none"><li>Beberapa orang anggota <b>Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)</b> diberikan tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.</li></ul>
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"><li>Memberikan <b>latihan kepada penduduk tempatan</b> berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.</li></ul>
Tarikh Pelaksana	<ul style="list-style-type: none"><li>Dilaksanakan pada <b>April 1951 – Jun 1955</b> iaitu sebelum pilihan raya MPP (5 Julai 1955)</li></ul>
Porfolio	<ul style="list-style-type: none"><li><b>Tiga portfolio kekal</b> di bawah British</li><li>Hal Ehwal Ekonomi</li><li>Perindustrian dan Perhubungan Sosial</li><li>Perumahan dan Kerja Raya</li></ul>

 <p>Dato Onn Jaafar <i>Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri</i></p>	 <p>E.E.C Thuraisingham <i>Ahli Pelajaran</i></p>	 <p>Lee Tiang Keng <i>Ahli Kesihatan</i></p>	 <p>Tunku Yaacob <i>Ahli Pertanian / Perhutanan</i></p>
 <p>Dato Mahmud Mat <i>Ahli Tanah / Lombong</i></p>	 <p>Dato' Nik Ahmad <i>Ahli Perumahan / Perancang Bandar</i></p>	 <p>H.S Lee <i>Ahli Pengangkutan</i></p>	 <p>Dr Ismail Abdul Rahman <i>Ahli Hasil Bumi</i></p>

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## CIRI-CIRI SISTEM AHLI

- 1 Ahli bertaraf "**Menteri**" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan.
- 2 Ahli dilantik oleh **Pesuruhjaya Tinggi British** dengan persetujuan Majlis Raja-Raja
- 3 Ahli bertanggungjawab **mencadangkan undang-undang** yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP
- 4 Ahli diletakkan di bawah **kuasa Pesuruhjaya Tinggi**.
- 5 Merupakan satu **sistem kabinet bayangan** yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.

## KEPENTINGAN SISTEM AHLI

1. Menyediakan **asas penting untuk melatih orang tempatan** ke arah berkerajaan sendiri
2. Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk **belajar mentadbir dan menerajui kerajaan** menjelang kemerdekaan
3. Merupakan **proses memupuk perpaduan kaum** kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.
4. **Menentukan kemerdekaan** yang diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk PTM.

## BAB 8: PILIHAN RAYA

### PROSES PILIHAN RAYA UMUM PERTAMA

- Pilihan Raya Umum Pertama perlu diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan.
- Raja-raja Melayu bersetuju mengadakan pilihan raya bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).
- Pengisytiharan pilihan raya ini dibuat oleh **Sir Donald MacGillivray**
- Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk pada 1 Februari 1954 dengan 46 orang ahli
- Tugas = mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI


- Jawatankuasa ini telah mengeluarkan 2 bentuk penyata susunan MPP:
- Pilihan raya perlu diadakan tidak lewat dari bulan November 1954. Tidak menetapkan tarikh atau masa tertentu untuk pilihan raya.

Tunku Abdul Rahman & Parti Perikatan	Bentuk A
Jawatankuasa Pilihan Raya	Bentuk B

- Tunku Abdul Rahman = Rundingan London
  - Tujuan: menyatakan hasrat menentukan **3 / 5 bilangan anggota MPP** hendaklah dipilih melalui pilihan raya.
- Di London, Tunku Abdul Rahman berjaya bertemu dengan ahli Parlimen daripada Parti Buruh British, Parti Konservatif dan Parti Liberal dengan bantuan **Lord Ogmore**.
  - Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan tentang hasrat mereka melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen.
- 14 Mei 1954 - Tunku Abdul Rahman telah berjaya mengadakan rundingan dengan **Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan** British di London
  - **Rundingan gagal** menjayakan hasrat Tunku Abdul Rahman mendapatkan 3/5 ahli melalui pilihan raya.
  - Walaupun rundingan tersebut gagal, mereka tetap di sambut meriah di Tanah Melayu
- Akhirnya, bilangan ahli MPP yang dipersetujui untuk dipilih melalui pilihan raya sebanyak **52 orang**.

- Perkara ini dipersetujui oleh pihak British dan Parti Perikatan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman
- Persetujuan dicapai pada awal Julai 1954, maka pilihan raya hanya akan diadakan pada tahun 1955
- Pada 18-19 Ogos 1954, **Rang Undang-Undang Pilihan Raya** Persekutuan Tanah Melayu diluluskan bagi membolehkan Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan.

## PROSES PILIHAN RAYA



# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## SYARAT PENGUNDI

- **Warganegara** Persekutuan Tanah Melayu
- Berumur **21 tahun** ke atas
- Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh **6 bulan** terdahulu (dari tarikh 17 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu) layak untuk memohon sebagai pengundi

## SYARAT CALON

- **Warganegara** Persekutuan Tanah Melayu
- Berumur **21 tahun** ke atas.
- Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh **12 bulan** sebelum hari penamaan calon.
- Berpengetahuan dalam **Bahasa Inggeris Dan Bahasa Melayu.**

## BAB 10: PEMASYURAN KEMERDEKAAN



### JAWATANKUASA FIZIKAL

#### STADIUM MERDEKA

- Lokasi = Stadium Merdeka & Padang Kelab Selangor
- Membina Stadium Merdeka dalam masa 6 Bulan sebelum pemsyuran
- Direka bentuk S.E. Jewkes
- 22 ribu tempat duduk (3000 tempat duduk berbumbung)
- Kos pembinaan 2.5 juta ringgit
- Siap dibina 21 Ogos 1957

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## LAGU KEBANGSAAN


- Dicadangkan oleh Ketua Menteri Persekutuan
- Didendangkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan
- Jawatankuasa Pemilihan dibentuk
  - Tunku Abdul Rahman (pengerusi)
  - Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan)
- Lagu **Negaraku** dicipta sebagai lagu kebangsaan.
- Berasal daripada lagu negeri Perak "**Terang Bulan**" yang liriknya ditulis oleh Saiful Bahari.
- Menaikkan semangat patriotik dan cinta akan tanah air

## BUNGA KEBANGSAAN

- Kementerian Pertanian meninjau pendapat rakyat
- Bunga raya telah di pilih sebagai bunga kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman.

## BENDERA KEBANGSAAN

- Bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada yang akan dijadikan bendera kebangsaan.
- Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah (Jabatan Kerja Raya Johor)
- 26 Mei 1950 di kibar secara rasmi di Istana Sultan Selangor.



# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

JAWATANKUASA SAMBUTAN	
Fokus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memeriahkan sambutan peringkat negara dan negeri</li> </ul>
Hiasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bangunan sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi cahaya lampu.</li> <li><b>Pintu-pintu gerbang dibina</b> dan dihiasi dengan sinaran lampu berwarna-warni</li> <li>75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu di tempah khas dari kilang kain di Jepun dan dibawa masuk dengan kapal laut.</li> </ul>
Pakaian Seragam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pakaian Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan khas</li> <li>Ilham Tunku Abdul Rahman</li> <li>Pakaian berasal daripada negeri Kedah iaitu "<b>Baju Muskat</b>" diubahsuai lengkap dengan seluar satin hitam dan bersongket, bersamping dan tengkolok yang direka untuk menteri.</li> </ul>
Protokol	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus khas dianjurkan oleh kerajaan berkaitan dengan protocol</li> <li>300 orang pegawai kerajaan menghadiri kursus tersebut selama tiga hari.</li> <li>Pegawai ini terlibat sebagai pegawai penerangan dan pegawai pengiring tetamu serta pegawai jemputan luar negara.</li> </ul>
Gaji	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji awal seminggu sebagai persediaan menyambut kemerdekaan.</li> </ul>

Sambutan rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Paling dinantikan oleh rakyat</li> <li>Semua tiket Keretapi Tanah Melayu di Pantai Timur dan tiket bas habis ditempah.</li> <li>Semua peringkat sama ada peringkat pusat dan negeri memberikan kerjasama dan bersatu hati dalam menjayakan hari kemerdekaan negara.</li> </ul>										
Jawatan kuasa lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi memastikan sambutan perayaan berjalan dengan lancar.</li> <li>Berikut adalah ahli jawatankuasa tersebut:</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatankuasa</th> <th>Pengerusi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>J/K Pusat Perayaan Merdeka</td> <td>Tunku Abdul Rahman</td> </tr> <tr> <td>J/K Kerja Pusat Merdeka</td> <td>Dato' Abdul Razak Hussein</td> </tr> <tr> <td>J/K Perayaan Ibu Kota Persekutuan</td> <td>H.S. Lee</td> </tr> <tr> <td>J/K Derma Perayaan Kemerdekaan</td> <td>Mengutip derma untuk perbelanjaan sambutan merdeka</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatankuasa	Pengerusi	J/K Pusat Perayaan Merdeka	Tunku Abdul Rahman	J/K Kerja Pusat Merdeka	Dato' Abdul Razak Hussein	J/K Perayaan Ibu Kota Persekutuan	H.S. Lee	J/K Derma Perayaan Kemerdekaan	Mengutip derma untuk perbelanjaan sambutan merdeka
Jawatankuasa	Pengerusi										
J/K Pusat Perayaan Merdeka	Tunku Abdul Rahman										
J/K Kerja Pusat Merdeka	Dato' Abdul Razak Hussein										
J/K Perayaan Ibu Kota Persekutuan	H.S. Lee										
J/K Derma Perayaan Kemerdekaan	Mengutip derma untuk perbelanjaan sambutan merdeka										

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## DETIK PEMASYHURAN KEMERDEKAAN NEGARA

### **MALAM 30 OGOS 1957**

- Permulaan sambutan di **Padang Kelab Selangor**
- Kenderaan memenuhi jalan sekitar bandar Kuala Lumpur.
- Sepanjang jalan ke Padang Kelab Selangor sesak dengan kenderaan
- Suasana malam diterangi dengan cahaya lampu hiasan dan kedai dibuka sehingga larut malam
- Wakil Parti Perikatan PTM dan Singapura diketuai oleh Sardon Jubir mengambil tempat duduk
- Seramai **300 orang pemuda** diketuai oleh Ismail Bontak membentuk perbarisan kehormat
- Semua lampu dipadamkan
- Lampu dipasang semula
- Bendera **Union Jack Diturunkan** diiringi lagu **God Save The Queen** (tanda berakhirnya pentadbiran British di TM)
- Bendera PTM dinaikkan diiringi lagu Negaraku
- Laungan merdeka sebanyak **7 kali**.
- Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat semasa bendera PTM dinaikkan.
- Tunku Abdul Rahman (TAR) menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan perwakilan negeri.

### **PAGI 31 OGOS 1957**

- Upacara sambutan diadakan di **Stadium Merdeka** Kuala Lumpur
- Perarakan pasukan tentera dan orang ramai anggaran **20 ribu orang** membanjiri stadium.
- Mereka datang seawal 6:00 pagi walaupun hujan turun pada awalnya namun mereka tidak berganjak.
- Di pentas kelihatan Raja – Raja Melayu, wakil Queen Elizabeth iaitu Duke of Gloucester dan pegawai Tinggi British
- Tunku Abdul Rahman disusuli Raja- raja Melayu, YDPA dan Permaisuri serta Duke tiba di perkarangan stadium
- Duke menyampaikan ucapan dan menyerahkan **Surat Perlembagaan Serahan Kuasa** kepada Tunku Abdul Rahman kemudian nafiri dimainkan.
- Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan
- Dengan tangan di udara, Tunku Abdul Rahman melaungkan **“MERDEKA”** sebanyak 7 kali
- Disusuli laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari tanda kesyukuran atas kemerdekaan negara.
- Majlis diteruskan dengan menaikkan bendera PTM dan diiringi oleh lagu Negaraku.
- Sebanyak **101 das tembakan** dilepaskan menandakan PTM telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## BAB 1: KEDAULATAN NEGARA

- Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sebuah negara yang bebas Serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Yunani

- **Supernuus atau Superanus.**
- Bermaksud agung atau tinggi.
- Merujuk negara yang bebas dan merdeka.

Inggeris

- **Sovereignty.**
- Bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.

Arab

- **Daulah.**
- Bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

Melayu

- **Daulat.**
- Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara.

## JENIS KEDAULATAN

### • KEDAULATAN TRADISIONAL

- Sistem pemerintahan berkuasa mutlak.
- wujud sejak tamadun awal manusia.
- Kekuasaan & kewibawaan raja.
- Taat setia rakyat.



### • KEDAULATAN MODEN

- Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan dan Revolusi Perancis
- Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan.
- Berdasarkan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa.
- Hasil gabungan negeri.



### • KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

- Kerajaan dan rakyat yang terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi.
- Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat.
- Menjadikan negara aman, stabil dan makmur.
- Menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara.



# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## • KEDAULATAN ANTARABANGSA

- Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain.
- Dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.



## 1.2 CIRI NEGARA BERDAULAT

### PEMERINTAHAN

- Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi
- **KETUA UTAMAN NEGARA** = Yang di-Pertuan Agong
- **KETUA KERAJAAN** = Perdana Menteri
- **SISTEM PEMERINTAHAN** = Sistem Raja Berperlembagaan Demokrasi Berparlimen



### SEMPADAN

- Sempadan ialah garis pemisah antara negeri atau negara. Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran.
- **NEGARA JIRAN** : *Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina*
- **DIAKUI OLEH** : *Masyarakat antarabangsa, khususnya PBB*
- **KEBAIKAN** : *Memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi*



### PERUNDANGAN

- Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara.
- Undang-undang negara digunakan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara
- **KEPENTINGAN** = *Memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat*
- **BERPANDUKAN** = *Perlembagaan Persekutuan*

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **PARLIMEN** =  
*Bertanggungjawab  
menggubal dan  
menentukan sistem  
perundangan negara  
kita*



## + RAKYAT

- Rakyat merupakan penduduk di sebuah negara. Rakyat terikat kepada undangundang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.
- **RAKYAT** = Terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.
- **DISATUKAN MELALUI** = Satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.



## 1.3 KEPENTINGAN NEGARA BERDAULAT



### Keberkesanan Pentadbiran

- **Kebebasan negara tanpa campur tangan kuasa asing** melalui sistem Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.



### Kemakmuran Ekonomi

- Pelaksanaan dasar kemakmuran ekonomi yang dapat **memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat** berbilang kaum melalui bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan.



### Kesejahteraan Sosial

- Melalui dasar sosial, negara dapat **melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan** yang dapat membangunkan negara. Rukun Negara, bahasa kebangsaan, kebudayaan dan sukan memupuk perasaan dan semangat perpaduan.



### Kecemerlangan Hubungan Luar

- Kedaulatan dapat memberikan hak kepada negara untuk **menjalinkan hubungan dengan negara lain** melalui penggubalan dasar luar negara. Negara kita dapat menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### CIRI-CIRI PERLEMBAGAAN

#### Ciri Tradisional

#### SISTEM BERAJA

- Negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja.
- Sistem Beraja disesuaikan dengan Demokrasi Berparlimen selepas kemerdekaan.
- **Yang di-Pertuan Agong** diperuntukkan perlembagaan - kuasa pemerintahan tertinggi.
  - Mempunyai kuasa mengampun / menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah
- **Sultan - ketua negeri.** Pemerintahan berdaulat terhadap negeri masing-masing
  - Kuasa eksekutif dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat negeri.
- Melantik jawatan utama negara (YPDA) dan negeri (raja).
- **Mengurniakan anugerah, Bintang kehormat dan penghormatan** kepada individu terpilih.

#### AGAMA ISLAM

- **Zaman British** – Raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.
- **Selepas merdeka** – agama Islam bagi negeri Melayu dibawah kuasa raja. Wilayah dan negeri tidak beraja dibawah kuasa Yang diPertuan Agong

#### BAHASA MELAYU

- Zaman Kesultanan Melayu Melaka – Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan.
- Bahasa **Lingua Franca** dan **Bahasa Ilmu.**
- Kini- Bahasa Melayu menjadi **Bahasa kebangsaan dan Bahasa rasmi**

#### MELAYU & BUMIPUTERA

- **Sebelum Merdeka**- kedudukan orang Melayu dan bumiputera dibawah kuasa raja dan ketua peribumi.
- **Selepas Merdeka** – Yang diPertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain

#### Ciri Modern

#### KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Mewujudkan sistem kerajaan Persekutuan

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Kerajaan Persekutuan** dan **Kerajaan Negeri** mempunyai **kuasa dalam bidang tertentu**
- Sabah dan Sarawak diberi beberapa Autonomi.

## DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Perlembagaan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia
- Asas demokrasi ialah **Pilihan Raya Umum 1955**
- Untuk memberi **kebebasan rakyat memilih wakil pemimpin**
- **Suruhanjaya Pilihan Raya**, bagi menjamin keadilan pilihan raya
  - **Pilihan Raya Persekutuan**
  - **Pilihan Raya Negeri**

## KEWARGANEGARAAN PERSEKUTUAN

- Diperkenalkan pada 1948
- Melalui **Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu**
- Sebelum itu, rakyat raja dan kerakyatan British jika lahir di Melaka dan Pulau Pinang

## BAB 3: RAJA PERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI

### INSTITUSI YDPA

- Wujud **selepas kemerdekaan** pada 1957
- **Yang Di-Pertuan Agong** dipilih dalam kalangan raja negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu Dan Kelantan
- Pemilihan mengikut **kaedah yang ditetapkan Perlembagaan Persekutuan**
- **Peraturan-peraturan** ditetapkan oleh **Majlis Raja-Raja**
- Jawatan **Timbalan Yang Di-Pertuan Agong** turut dikenalkan

### KEDUDUKAN YDPA


- Kedudukan YDPA merupakan **Ketua Negara**
- Punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran, kemuliaan negara
- **Tidak boleh dikenakan apa² prosiding (perbicaraan)** dlm mana2 mahkamah kecuali dlm **Mahkamah Khas**
- Isteri (Raja Permaisuri Agong) keutamaan selepas YDPA
- YDPA dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh **5 tahun**
- **Boleh letak jawatan** melalui surat tandatangan sendiri kpd Majlis Raja-Raja
- **Boleh dipecat** oleh Majlis Raja-Raja
- Keutamaan Kedudukan dalam Persekutuan
  - Yang di-Pertuan Agong

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Raja Permaisuri Agong
- Raja-raja dan Pemangku Raja
- Yang di-Pertua bagi Negeri-Negeri
- Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan
- Perdana Menteri
- Timbalan Perdana Menteri

## KUASA YDPA



EKSEKUTIF	
Melantik PM dan Jemaah Menteri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Melantik Perdana Menteri</b> (ahli Dewan Rakyat yg dipercayai ahli Dewan Rakyat)</li> <li>• Melantik <b>Menteri</b> dan <b>Timbalan Menteri</b> dari Ahli Dewan Rakyat atas nasihat Perdana Menteri</li> </ul>
Pelantikan Jawatan Penting	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Peguam Negara</b></li> <li>• Panglima Angkatan Tentera</li> <li>• Ketua Audit Negara</li> <li>• Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya</li> <li>• Suruhanjaya Polis</li> <li>• Ahli Majlis Angkatan Tentera</li> </ul>
Ketenteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pemerintah tertinggi</b> seluruh Angkatan Tentera Malaysia</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibantu <b>Majlis Angkatan Tentera</b> (tanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib, pentadbiran tentera, gerakan tentera)</li> </ul>
Diplomatik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lantik diplomat</b> Malaysia</li> <li>• Menerima menghadap diplomat asing sebelum menjalankan tugas</li> </ul>

PERUNDANGAN	
Kuasa Perundangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Memperkenan rang undang<sup>2</sup></b> yg dibentang di Dewan Rakyat &amp; Dewan Negara</li> </ul>
Persidangan Parlimen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa <b>memanggil Parlimen bersidang</b></li> <li>• Berkuasa untuk memberhentikan dan <b>membubarkan Parlimen</b></li> </ul>
Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan <b>Ketua Agama Islam</b> bagi negeri sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah</li> <li>• Ketua agama Islam negeri<sup>2</sup> lain ialah <b>raja/sultan negeri masing<sup>2</sup></b></li> </ul>
Hak Istimewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab menjaga serta melindungi <b>kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah</b></li> <li>• Melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia</li> </ul>
Isytihar Darurat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Isytihar darurat</b> bila wujud keadaan yg <b>mengancam keselamatan</b> awam dan ekonomi negara</li> </ul>

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

KEHAKIMAN	
Kuasa kehakiman	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>lantik Hakim Mahkamah Atasan</b> atas nasihat Perdana Menteri dgn pertimbangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan MRR</li><li>• Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Ketua Hakim Negara</li><li>○ Presiden Mahkamah Rayuan</li><li>○ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya</li><li>○ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah</li><li>○ Hakim Mahkamah Persekutuan</li><li>○ Hakim Mahkamah Rayuan</li><li>○ Hakim Mahkamah Tinggi</li></ul></li></ul>
Kuasa Pengampunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Mengampun pesalah kes jenayah</b></li><li>• Bertindak atas nasihat <b>Lembaga Pengampunan</b></li><li>• <b>Mengampun</b> dan <b>meringankan hukuman</b> oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah</li></ul>

## BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA

### Konsep Gagasan Malaysia

- **Kesepakatan antara semua pihak** menzahirkan pembentukan Malaysia dan kemudiannya Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.

### Idea Gagasan Malaysia

- **Idea Gagasan Malaysia** - Konsep yang **menggabungkan beberapa buah bekas tanah jajahan British** di Asia Tenggara.
- **Melayu Raya** - Idea lain yang dikemukakan oleh **gerakan nasionalis** sebelum Perang Dunia Kedua untuk mendapatkan **kemerdekaan Wilayah Alam Melayu** tetapi tidak berjaya dilaksanakan.
- **Pegawai British** - Mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan di Asia Tenggara di bawah **satu pentadbiran** dan ekonomi untuk **memudahkan urusan pihak British**.
- **Tun Abdul Rahman** - Mencadangkan Idea gagasan Malaysia iaitu menggabungkan **PTM dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei** untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

### Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

- Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan

#### Idea Pegawai British

1887

- **Lord Brassey** (Pengaruh SBUB) mengemukakan cadangan awal di **Dewan Parlimen British**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Cadangan - Penggabungan **Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS** sebagai sebuah jajahan yang besar.
- Sebab - British melihat **potensi ekonomi** melalui penggabungan ini.

1951

- Cadangan **Sir Malcolm MacDonald** (Gabenor Jeneral Asia Tenggara) - Penggabungan tanah jajahan British di Asia tenggara bagi **membentuk satu entiti politik dan ekonomi**.
- Tujuan - Penyesuaian dengan **rancangan dekolonisasi**.
- Perbincangan mengenai usaha penggabungan **Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo** melibatkan Sir Malcolm MacDonald, Dato' Onn Jaafar, dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan.

1952

- **Sir Gerald Templer** (Pesuruhjaya Tinggi PTM) - **Meminta penggabungan wilayah disegerakan** demi menjaga keselamatan (ancaman komunis)
- Januari 1960 - Mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan **cadangan pertahanan dan keselamatan**.

1920

- **Sir Geofroy Tory** (Pesuruhjaya Tinggi British selepas Merdeka) - Mencadangkan penyatuan **Singapura dan PTM** .
- Tujuan - **Kepentingan ekonomi**.
- Cadangan mendapat **sokongan Pejabat Kolonial**.

Idea Penduduk Tempatan

1906

- **Majalah Al-Imam** - Menggesa **penyatuan raja dan orang Melayu** dalam **pendidikan** dan pembangunan **ekonomi**

1936

- **Nasionalis Tanah Melayu** - Memperjuangkan **konsep Melayu Raya**.
- Nasionalis Tanah Melayu - **Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrashid**. Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan **Dr. Burhanuddin al-Helmi**.
- Idea - Menggabungkan **Tanah Melayu dengan Indonesia**.
- Idea ini **tidak berhasil** apabila Indonesia diisytiharkan merdeka pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu.

1955

- **Tunku Abdul Rahman** - **Mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei** menyertai PTM .

1958

- **Datu Mustapha Datu Harun** (Pemimpin Sabah)- Menyatakan minat untuk membawa **Sabah bergabung dengan PTM** .

1960

- 10 Jun 1960 - Tunku Abdul Rahman memaklumi **Lord Perth** (Pegawai Pejabat Tanah Jajahan) mengenai minat untuk

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

bergabung dengan **Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.**

## Rasional Idea Pembentukan Malaysia

- Terdapat beberapa faktor pembentukan Malaysia, iaitu keselamatan, keseimbangan komposisi penduduk, mempercepatkan kemerdekaan dan pembangunan wilayah.
- **Keselamatan**
  - Ancaman Komunis di Singapura  
Tunku Abdul Rahman - Menganggap Singapura akan menjadi **Pusat Kegiatan Komunis**. Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura dapat **memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan** dalam bidang keselamatan dan pertahanan.  
Tujuan - **Membendung ancaman komunis** di Singapura.
  - Perkembangan di Sarawak  
Ancaman Komunis di Sarawak - Melalui gerakan **Clandestine Communist Organization (CCO)**. Penyerahan Sarawak dengan Tanah Melayu - Membendung ancaman komunis.
- **Keseimbangan Komposisi Penduduk**
  - Penyerahan **Singapura dalam Persekutuan** - **Mewujudkan ketidakseimbangan** komposisi penduduk antara orang Melayu dan Cina.
  - Penggabungan **Sarawak, Sabah dan Brunei** - **Menyeimbangkan komposisi** antara kaum.
- **Mempercepatkan kemerdekaan**

- Pembentukan Malaysia - Merealisasikan **rancangan dekolonisasi** pihak British dan **mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo**.

- Usaha ini perlu **mendapat sokongan penduduk tempatan**.

## • **Pembangunan Wilayah**

- Tujuan penyerahan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei – **Mempercepatkan pelbagai bidang pembangunan**.
- **Meningkatkan taraf hidup** peribumi dalam pelbagai aspek.

## Langkah Pembentukan Malaysia

- 16 Oktober 1961 – Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat.
- Mendapat **sokongan majoriti ahli dewan**. Pelbagai cara yang dilakukan merealisasikan pembentukan Malaysia.

## Siri Lawatan

- **Julai 1961** – Tunku Abdul Rahman **melawat Sarawak dan Brunei** untuk meninjau dan bertemu dengan pemimpin tempatan bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
- **Ogos 1962** – Pemimpin Sarawak dan Sabah
  - Datu Bandar Abang Haji Mustapha
  - Temenggung Jugah
  - Donald Stephens dan Dato Mustapha

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTI

- **mengadakan lawatan ke PTM** untuk meninjau kemajuan persekutuan tersebut.
- **November 1962** – Lawatan TAR ke Sarawak dan Sabah.
- **Lawatan rombongan Dr Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba** ke Sarawak dan Sabah
  - Menunjukkan terdapat kesepakatan dalam kalangan ahli politik di Tanah Melayu untuk **menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia** kepada penduduk Sarawak dan Sabah.

## Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (SKM) 1961

- 23 Julai 1961 – JKSM Ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura.
- Tujuan penubuhan
  - **Meyakinkan Sarawak dan Sabah** tentang pembentukan Malaysia.
  - **Menyediakan ruang perbincangan** bagi mendapat kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.
  - **Mengumpulkan pandangan** tentang pembentukan Malaysia.
  - **Menyebarkan maklumat** berkaitan dengan Malaysia.
  - Memupuk aktiviti penghebahan dan **mempercepatkan pembentukan Malaysia.**
- Ahli JSKM - Wakil pemimpin PTM, Singapura, Sarawak dan Sabah
- **Donald Stephens** – Pengerusi JSKM
- Dalam mesyuarat - JSKM menyokong rancangan Malaysia.

- Peranan JSKM - **Memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan** dan mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia.

## Referendum Singapura

- Ogos 1962 hingga September 1962 - **Rundingan PTM dan Singapura** diadakan.
- Hasil rundingan - Singapura bersetuju menyertai Malaysia
- Awal bulan September 1962 – Satu referendum diadakan di Singapura **menyatakan bentuk pilihan Singapura** menyertai Malaysia.
- Keputusan referendum - **Rakyat Singapura bersetuju** untuk bergabung membentuk Malaysia seperti **syarat yang ditetapkan** oleh kerajaan Singapura dan PTM.
- Keputusan ini membolehkan Singapura menyertai Malaysia.

## Rundingan London

- November 1961 – Rundingan berhubung dengan pembentukan Malaysia **diadakan di London antara kerajaan PTM dengan British.**
- Persetujuan kedua-dua kerajaan – Penubuhan sebuah suruhanjaya bagi **meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.**

## Suruhanjaya Cobbold (1962)

- Januari 1962 – Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan.
- Anggota Suruhanjaya Cobbold:

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Lord Cobbold** – Pengerusi
- Ahli-ahli – Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.
- Suruhanjaya ini melawat **35 pusat lawatan**
  - 20 pusat lawatan di Sarawak
  - 15 pusat lawatan di Sabah
- Jun 1962 – Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan PTM
- Antara laporan tersebut termasuklah:
  - Menyatakan **2/3 penduduk menyokong pembentukan Malaysia.**
  - **Mengesyorkan agar Perlembagaan PTM 1957** dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
  - **Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas** kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

## Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) 1962

- Ogos 1962 – Penubuhan Inter-Governmental Committee
- Jawatankuasa ini diwakili – **Kerajaan British, PTM, Sarawak dan Sabah.**
- Tujuan - **Menyediakan rangka perlembagaan** dan membentuk keperluan **melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.**

- **Lord Lansdowne** – Pengerusi JAK
- Tun Abdul Razak – Timbalan pengerusi JAK
- Wakil Sarawak - Ketua Setiausaha, Peguam negeri, Setiausaha Kewangan, **Datu Bandar Abang Haji Mustapha**, Temenggong Jugah anak Barieng, Pengarah Mongtegrai, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sin.
- Wakil Sabah - Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, **Datu Mustapha Datu Harun, Donald Stephens** dan Koo Siak Chiew.
- JAK mempunyai **5 jawatankuasa kecil:**
  - Perlembagaan
  - Kewangan
  - Perkhidmatan awam
  - Perundangan dan Kehakiman
  - Organisasi Jabatan
- 30 Ogos 1962 – Mensyuarat pertama di Jesselton (Kota Kinabalu).
- 18-20 September 1962 – Mesyuarat terakhir.
- **18 perkara diusulkan** bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah unuk menjamin hak serta kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah.
- Antara perkara yang menjadi teras utama:
  - **Islam** - Agama persekutuan Malaysia kecuali Sarawak dan Sabah.
  - **Bahasa Melayu** - Bahasa rasmi persekutuan Malaysia tetapi bahasa Inggeris juga digunakan sebagai rasmi di Sarawak dan Sabah.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Sistem pendidikan** - Dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah yang kekal di bawah kawalan Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.
- **Parlimen Malaysia** –
  - 24 kerusi kepada Sarawak
  - 16 kerusi kepada Sabah
  - 15 kerusi kepada Singapura.
- **Kuasa imigresen** - di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri.

## BAB 6: CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

### Rusuhan Kaum

- Faktor yang menyebabkan rusuhan kaum di negara kita:
  - **Kesan ketidakseimbangan kaum** dalam ekonomi dan sosial di negara kita.
  - Keadaan dan **keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969** - Bermula kempen pilihan raya yang **menyentuh sensitiviti sesuatu kaum**.
  - **PKM mengambil kesempatan** semasa pilihan raya untuk **mempengaruhi penduduk** supaya bermusuhan antara kaum.
  - Parti yang bertanding - Menggunakan **sentiment perkauman dan keagamaan** untuk mendapat sokongan.

- Perarakan kemenangan pilihan raya - **Tidak terkawal kekacauan dan perbuatan provokatif**.
- Langkah yang Diambil bagi Mengatasi Masalah Peristiwa 13 Mei 1969
  - Antara langkah yang diambil termasuklah **pengisytiharan darurat**, pembentukan **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** dan peranan yang dimainkan oleh **Raja-raja Melayu**.

### Darurat

- YDPA mengisytiharkan darurat pada **16 Mei 1969**. Antara perkara yang diputuskan ialah:
  - **Perlembagaan - Digantung**,
  - **Parlimen - Ditangguhkan**.
  - **Mewujudkan tempat perlindungan** semasa darurat.
  - Pihak polis - Menguatkuasakan **perintah berkurung**.
  - Orang ramai - **tidak dibenarkan keluar** dari kediaman masing-masing.
  - Penubuhan **jawatankuasa bertugas** - Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan.
  - **Semua berita ditapis** - Bagi memastikan kesahihan.
  - Kerajaan - **Memastikan bekalan makanan diperolehi** penduduk terutama di pusat perlindungan
  - **Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan** di **Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement**.
  - Pihak berkuasa **memagar kawasan Kampung Baru** dan menjadikannya **kawasan perintah berkurung**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

**terbesar.** Tentera melindungi penduduk di kem tentera.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

- Pengerusi MAGERAN - Pengerusi **Tun Abdul Razak.**
- Ahli - **Pegawai perkhidmatan awam, pegawai tinggi polis dan tentera**
- MAGERAN Memerintah semasa darurat (16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971) – 9 bulan dan **mengawal ketenteraman negara.**
- Fokus utama - **Masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi** antara kaum.
- Tanggungjawab MAGERAN
  - Mengembalikan **keamanan dan undang-undang.**
  - Menentukan **pentadbiran yang licin** dalam negara.
  - Mengembalikan **keharmonian dan kepercayaan** antara kaum dalam negara.
  - **Mengantungkan sementara penerbitan** semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang.
  - Menguatkuasakan **Akta Hasutan 1948.**
  - **Jabatan Penerangan menapis berita palsu** dan menerangkan usaha kerajaan.

## Peranan Raja

- Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II **menasihati rakyat agar menjaga keamanan.**

- Pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan **Jawatankuasa Muhibah.**
- Tugas Jawatankuasa Muhibah - **Menulis surat merayu penduduk agar bertenang** dan membantu negara mengekalkan keamanan.
- Di negeri-negeri lain - **Raja meminta rakyat agar bertenang dan mematuhi undang-undang.**

## BAB 7: CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

### 7.1 - Perpaduan dan Integrasi Nasional

Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional

- Perpaduan dan integrasi adalah dua konsep yang saling berkait rapat melalui dia proses yang berbeza.
- **Perpaduan kaum**
  - Keadaan **rakyat pelbagai etnik, agama dan wilayah** hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.
  - Mereka **memberi komitmen kepada identiti kebangsaan** berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- **Integrasi Nasional**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Proses dinamik** yang merapatkan **hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah** bagi membentuk satu bangsa.
- Mereka mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

## Latar Belakang Hubungan Kaum

- Pentadbiran British menyebabkan kaum di negara kita terpisah dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan.
- Kesan daripada dasar British
- **Pentadbiran**
  - 1874 – **Sistem Residen** diperkenalkan.
  - Dasar British **mengutamakan sistem ekonomi**.
  - Membawa **masuk pekerja luar** untuk sector perlombongan, perladangan dan perniagaan.
  - Kaum bumiputera – Tertumpu di **kawasan luar bandar** dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional.
  - Menyebabkan **keregangan kaum** berterusan sehingga selepas kemerdekaan dan menyebabkan 13 Mei 1969.
- **Kegiatan Ekonomi dan Petempatan**
  - British memberi tumpuan kepada perlombongan **bijih timah** dan perladangan **getah**.
  - Kegiatan ekonomi berbeza menyebabkan **pemisahan dari segi petempatan**.

- Setiap **kaum kurang berinteraksi** antara satu sama lain dan mewujudkan **jurang ekonomi yang tidak seimbang**.

## • **Sistem Pendidikan**

- Dasar pentadbiran British - Muncul sistem **Pendidikan Vernacular** Melayu, Cina, India dan Inggeris di negara kita.
- Sistem pendidikan vernakular diteruskan selepas kemerdekaan.
- Sistem ini mewujudkan **perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum**.

## • **Fahaman Politik**

- Fahaman politik - **Berasaskan kaum** bermula dengan **penubuhan parti politik sebelum merdeka** hingga kini.
- Parti politik memperjuangkan **kepentingan kaum masing-masing**.
- Isu yang diperjuangkan – **Bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi**.
- Mempengaruhi hubungan antara kaum di negara ini.

## **Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional**

### Politik

- **Jabatan Perpaduan Negara** (Bawah kuasa MAGERAN) – Mendraf satu ideology untuk negara iaitu Rukun Negara.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTI

- **Majlis Muhibah Negara** (18 Julai 1969) – Menggalakkan perkembangan perasaan muhibahantara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- **Majlis Perundingan Negara MAPEN** (29 Januari 1970) – Mengadakan garis panduan bagi Kerjasama antara kaum dan integrasi nasional antara wilayah dan memupuk identity kebangsaan dalam kalangan rakyat
- **Gabungan parti politik** pelbagai kaum - Menwujudkan keharmonian dan kestabilan politik selepas 13 Mei 1969.

Ekonomi

- **Rancangan 5 Tahun Malaysia** - Menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi semua kaum.
- Dasar Ekonomi Baru (**DEB**) dan Dasar Pembangunan Nasional (**DPN**) – Kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
- **Rancangan pembangunan tanah** - Menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan bagi membangunkan masyarakat luar bandar dan wilayah.
- **Zon Perindustrian Bebas** (Bayan Lepas, Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang) - Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan.
- **Penghijrahan penduduk** luar bandar ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan - Mempercepatkan proses integrasi.
- **Pembangunan ekonomi wilayah** - Mengintegrasikan ekonomi. Membuka peluang kepada semua kaum bersaing dalam ekonomi secara adil.

Sosial

- **Dasar Pendidikan Kebangsaan** (Akta Pendidikan 1996) – Mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- *Laporan Rahman Talib, Laporan jawatankuasa Kabinet dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan* - Mengukuhkan sistem pendidikan dan melahirkan rakyat yang patriotic dan mempunyai semangat cinta akan negara.
- **Akta Bahasa Kebangsaan** – Memperkasakan Bahasa Melayu
  - Universiti Kebangsaan Malaysia (**UKM**) – Pusat ilmu
  - Dewan Bahasa dan Pustaka (**DBP**) – Menyebar luas penggunaan Bahasa kebangsaan.
  - Melahirkan masyarakat yang mempunyai **identiti bahasa yang sama.**
- Pengamalan satu **Kebudayaan Kebangsaan** – Membentuk identiti bangsa Malaysia yang bersatu padu.
- **Penglibatan sukan** – Medium mewujudkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.
- **Rukun Negara** – Tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum terhadap bangsa dan negara.

## 7.6 - Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

Sejarah Pembentukan

- Rukun Negara dibentuk selepas peristiwa **13 Mei 1969**.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Merupakan hasil perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (**MAPEN**).
- **31 Ogos 1970** – Diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV.
- Pada tahun 2020, genaplah **50 tahun Rukun Negara** dicipta.
- Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas Rukun Negara
  - **5 Jalur** – Simbolik 5 prinsip Rukun Negara.
  - **Bulan dan Bintang** - Prinsip kepercayaan kepada Tuhan.
  - **Tengkolok berkerawang bulan dan bintang** - Simbol prinsip kesetiaan kepada raja dan negara serta melambangkan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang undang.
  - **Angka 50** – Sempena ulang tahun Rukun Negara.
  - **Warna Biru** – Amalan perpaduan dalam kesopanan dan kesusilaan.

## Matlamat Rukun Negara

### Masyarakat Demokratik

- Rakyat bertindak melalui **Parlimen** yang dilantik menerusi perlembagaan.
- **Perlembagaan negara** – Menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara.

### Negara Bersatu

- **Mencipta satu bangsa** dan negara yang **bersatu padu**.

- Setiap ahli masyarakat menganggap diri sebagai **rakyat Malaysia** tanpa mengira keturunan atau kepercayaan.
- Rakyat Malaysia mempunyai **kesetiaan dan cinta akan negara**.

### Masyarakat Adil

- Mencipta masyarakat yang adil – Semua anggota masyarakat **mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara**.
- Masyarakat adil wujud apabila pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.

### Masyarakat Progresif

- Menegakkan masyarakat progresif **mengikut kemajuan sains dan teknologi** di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan.
- Satu **masyarakat yang bergerak** maju **sejajar dengan perubahan dan kemajuan** pada masa ini.

## BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

### DASAR EKONOMI BARU

#### Latar Belakang Pembentukan

- Majlis Perundingan Negara MAPEN (Januari 1970)
- Tujuan Penubuhan

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Mencari jalan untuk **menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan pelbagai kaum** (Peristiwa 13 Mei 1969)
- Untuk meneliti **isu-isu perpaduan negara**
- **Membentuk pepaduan antara kaum**
- Hasilnya, terbentuk DEB
- Antara pakar yang terlibat dalam dasar ini
  - Dr. Rais Saniman (Malaysia)
  - Dr. Just Faaland (Norway)
  - Dr. Jack R. Parkinson (Britain)

Matlamat DEB

- Strategi DEB
  - **Membasmi kemiskinan** dengan menambahkan pendapatan dan banyakkkan **peluang pekerjaan** kepada rakyat tanpa mengira kaum
  - **Menyusun semula masyarakat** untuk mengurangkan dan **menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi**
- Isu Sosioekonomi
  - **Jurang sosioekonomi** antara

## PELAKSANAAN DEB

Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat

- Luar Bandar
  - Tumpuan diberi kepada **petani, pekebun getah, nelayan dan buruh**

- Kegiatan **Gerakan Koperasi** diamalkan
- Program yang dilaksanakan –
  - **Penerokaan** tanah baharu
  - Bantuan **peralatan pertanian**
  - Khidmat nasihat,
  - Subsidi **benih dan baja**,
  - **Kemudahan kredit**, pemasaran
  - Pusat **kemajuan peladang**
- Bandar
  - Kemiskinan akibat pendapatan rendah dan masalah perumahan
  - Kerajaan **memajukan perindustrian**
  - Perniagaan membuka **peluang pekerjaan** yang banyak
    - Untuk meningkatkan **pendapatan golongan miskin pelbagai kaum**
  - Menyediakan **kemudahan asas** seperti **air dan elektrik**, jalan raya, bantuan **biasiswa**, pendidikan, **buku teks percuma** dan program rumah murah

Rancangan Buku Hijau

- Dilancarkan oleh Tun Abdul Razak - 20.12.1974
- Bermatlamat
  - Untuk **menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan** supaya cukup untuk keperluan negara
  - Dapat **menambahkan pendapatan rakyat**
- Memberikan tumpuan kepada **penggunaan tanah** yang sepenuhnya
- Mengusahakan tanah dengan

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Tanaman jangka pendek,**
- Perkebunan berkelompok,
- Penternakan
- Pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain

## Peranan Agensi Kerajaan

- Ditubuhkan untuk **mempelbagaikan ekonomi** yang boleh menambahkan pendapatan rakyat
- Untuk membuka **peluang pekerjaan**
- Antara agensinya ialah:
  - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
    - Taraf Hidup Nelayan dan Modernkan Industri Ikan
  - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
    - Bantu pekebun kecil, Peladang dan Petani
  - Lembaga Beras Dan Padi Negara (LPN)
    - Kawal selia sektor padi dan stabilkan harga padi
  - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
    - Membantu penyelidikan dan penanaman semula getah

## Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah

- **Pembukaan tanah baru pertanian** dibawah FELDA
- Penduduk luar bandar yang miskin **dipindah ke FELDA**
- Diberi tanah seluas **10 ekar**
  - Kelapa Sawait, Getah dan Rumah Kediaman

- Terdapat **kemudahan asas** seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi - tingkatkan taraf hidup
- FELDA menjalinkan **kerjasama dengan kerajaan negeri**
- Di Sabah, FELDA dengan **Yayasan Sabah** bekerjasama - membawa kepada pembukaan **Felda Wilayah Sahabat dan Felda Umas**
- FELDA kerjasama dengan Sarawak untuk **pembukaan ladang kelapa sawit**

## Pembangunan Wilayah

- Program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit
  - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (**KEJORA**)
  - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (**KETENGAH**)
  - Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (**DARA**)
  - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (**KESEDAR**)

## Pemilikan Modal Saham

- Saham = Modal sah sesebuah syarikat yg dicarumkan oleh pemegang saham
- Untuk menambah **pemilikan modal saham bumiputera** dalam syarikat sektor korporat
- Untuk wujudkan **Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera** (MPPB) melalui penubuhan PNB pada 17.3.1978
- ASN dan ASB dilancarkan untuk **memudahkan kaum bumiputera memiliki saham** dalam syarikat berhad

## Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Industri ini meliputi **kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa**
- IKF yang berjaya
  - Best Farm Co.
  - Nurul Food Industry Enterprise
  - Ramly Food Processing SDN BHD
- **Pinjaman, insentif dan nasihat** diberikan melalui
  - Bank Bumiputera
  - Perbadanan Nasional Berhad
  - Bank Pertanian Malaysia

Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

- Asas kepada latihan kemahiran ini diberikan sejak di **bangku sekolah** melalui **Kemahiran Hidup**
- Pendidikan menengah dibahagikan ke **Akademik** dan **Vokasional**
- Sekolah teknik dan vokasional, Maktab Perguruan Teknik, politeknik dan UTM ditubuhkan
- Ditawarkan dalam pelbagai bidang untuk menampung permintaan terhadap **tenaga kerja mahir**

## DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Latar Belakang Pembentukan

- Dilancarkan oleh **Tun Dr, Mahathir** Mohamad pada 17.6.1991
- Merupakan **kesinambungan DEB** yang dirangka untuk **10 tahun (1991-2000)**

- Merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan **Wawasan 2020**

Matlamat DPN

- Untuk mencapai **perpaduan negara** melalui **pengagihan kekayaan sama rata**
- Matlamat ini dicapai melalui **pembangunan seimbang** antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek
- Dilaksanakan melalui **Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh**

Objektif DPN

- Untuk mewujudkan **masyarakat bersatu padu** dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik
- Mengekalkan **pembangunan ekonomi berterusan**

Strategi DPN

- **EKONOMI**
  - Pelibatan aktif **pihak swasta dalam pembangunan ekonomi** negara
  - Melaksanakan **program penanaman semula**
  - Penggunaan sains dan teknologi
  - Meningkatkan **pemilikan saham bumiputera**
- **SOSIAL**
  - Memberikan insentif serta **kemudahan pendidikan**
  - Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB)

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTI

- Membentuk **masyarakat yang berdisiplin dan progresif**
- **KEMUDAHAN FIZIKAL DAN ALAM SEKITAR**
  - Menyediakan dan **menambah baik kemudahan asas**
  - **Pembangunan mapan** tanpa mengabaikan alam sekitar

## PELAKSANAAN DPN

### Pembasmian Kemiskinan

- Pemberian **subsidi dan sokongan kepada penanam padi dan nelayan** untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran
- **Golongan belia diberi latihan** di agensi kerajaan seperti ILP untuk mereka mendapatkan kerja yang berpendapatan tinggi

### Penyusunan Semula Masyarakat

- **Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera** dalam pengurusan sektor moden
  - **Contoh: Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan**
- **Latihan bidang pengurusan harta dan etika perniagaan** diberi oleh kerajaan
- Pemberian **kontrak, kuota dan lesen** kepada perniagaan bumiputera dan bukan bumiputera
- **Kerjasama perniagaan** antara **Bumiputera dan bukan bumiputera** digalakkan oleh kerajaan

- Bumiputera **didedahkan teknologi baharu** dan **diberikan kemudahan modal**, maklumat pasaran dan **hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa**

### Penyusunan Semula Modal Saham

- Dibuat supaya bahagian **saham bumiputera dapat ditingkatkan**
- Agar **matlamat DEB** dicapai sekurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden
- **Agensi amanah yang diwujudkan** untuk bumiputera
  - Majlis Amanah Rakyat (MARA)
  - Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
  - Perbadanan Kemajuan Ekonomi (PKEN)

### Pembangunan Wilayah

- Malaysian Agricultural Research and Development Institute **MARDI ditingkatkan**
- **Konsep pertanian pintar** digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian
- Penyebaran industri terpilih digalakkan
- Mendorong **sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri kurang maju**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## PENCAPAIAN DEB DAN DPN

### SOSIAL

Penurunan Kadar Kemiskinan

- Usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi **membuka peluang pekerjaan**
- Kerajaan menambah baik peluang rakyat mendapatkan **kemudahan awam** yang meningkatkan **taraf dan kualiti hidup**
- Pelaksanaan DEB kurangkan kemiskinan dari
  - 49.3 peratus (1970) kepada 17.1 peratus (1990)
- DPN mengurangkan **7.2 peratus** pada 2000

Peningkatan Kualiti Hidup

- **Peningkatan tahap kesihatan** rakyat yang semakin baik
- Aspek pendidikan, **pemilikan barang keperluan asas**
- **Penyediaan infrastruktur** seperti hospital dan klinik
- Kualiti hidup semakin baik selepas 1990

Kemunculan Golongan Pertengahan

- **Perkembangan ekonomi** menyebabkan bidang kerja (golongan pertengahan) meningkat
- Ini menunjukkan dasar ekonomi memberi kesan kepada **peningkatan taraf hidup rakyat**
- Golongan ini juga memberikan **sumbangan yang besar kepada pendapatan** negara

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)

- Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera diwujudkan melalui DEB dan DPN
- Membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor korporat
- Muncul **tokoh bumiputera** dalam perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat, pemilik pelabuhan dan usahawan muda
  - Golongan ini memberikan **faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin**
  - **Tawarkan pekerjaan** dalam syarikat mereka

Pembangunan Pendidikan

- Selepas 1990, berlaku **penumbuhan institusi pendidikan**
- Muncul **graduan dalam bidang sains, teknologi dan teknikal**
- Graduan ini diperlukan dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi
  - **Ekonomi berlandaskan pengetahuan** atau Knowledge - Based Economy
  - Merujuk pada keupayaan seseorang untuk menggunakan ilmu pengetahuan bagi mencipta satu nilai baru yang dapat membawa kemajuan.

Pengangkutan dan Perhubungan

- Jaringan **sistem jalan raya, pengangkutan udara, kereta api dan pelabuhan yang moden**
- Merencanakan aktiviti ekonomi negara
- Sistem pengangkutan memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak Dan Sabah

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

## Perkembangan Wilayah

- Kemunculan **bandar-bandar baru** (Felda berubah kepada bandar)
- Jengka ditubuh melalui projek **Segitiga Jengka** oleh FELDA
- Dinamakan segitiga untuk mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara 3 daerah, **Temerloh, Maran dan Jerantut**
- **Pelbagai kemudahan asas** Pejabat pos, hospital, bank, institusi pendidikan, stadium mini, pusat perniagaan dan pejabat pentadbiran kerajaan disediakan
- Kilang di kawasan perindustrian:
  - Kilang Alps
  - Kilang Bimbingan Bank Pembangunan
  - Bengkel kereta dan motor

## EKONOMI

### Perindustrian Berteknologi Tinggi

- Perindustrian ini melibatkan penggunaan **jentera moden** yang memerlukan **kemahiran tinggi dan modal yang besar**
- **The Heavy Corporations of Malaysia Berhad (HICOM)** ditubuhkan pada 1980
- Antara projek yang dilaksanakan
  - Membaiki kapal (limbungan pasir gudang)
  - Besi dan keluli (perai, pinang)
  - Loji gas cecair (bintulu, sarawak)

## Kawasan Perindustrian Baharu

- Estet Perindustrian
  - Dibangunkan oleh **Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri PKEN**, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta
  - Dibangunkan secara **bandar terancang**
- Taman Teknologi Perindustrian
  - Merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri
  - Untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian
  - Contoh = Kulim Hi-Tech Park
- Zon Perindustrian Bebas
  - Merupakan kawasan perdagangan yang diberi **pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif**
  - Tujuannya, **menarik pengusaha labur** dan merangsang ekonomi
  - Digunakan oleh syarikat multinasional seperti **sime darby berhad**

## Kenderaan Buatan Malaysia

- Penubuhan HICOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia - 1983, menggalakkan **pertumbuhan industri kereta dan motor**
- Industri kereta tempatan
  - PROTON - 7.5.1983

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- PERODUA – 1993
- MODENAS
- Membuka **peluang pekerjaan** untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum
- Dapat meningkatkan **pendapatan rakyat dan taraf hidup rakyat**

## BAB 9: DASAR LUAR MALAYSIA

### ASAS PENGUBALAN DASAR LUAR

Matlamat Pengubalan Dasar Luar

- **Mempertahankan kemerdekaan** dan kedaulatan negara
- Melindungi kepentingan nasional
- Mempertahankan dan **memajukan kepentingan Malaysia**
- Memupuk **hubungan baik dengan negara luar**
- Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial

Faktor Pengubalan Dasar Luar

- Ikatan Sejarah
  - Dasar luar digubal berdasarkan ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain.
  - Ikatan **sejarah dan budaya** dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (Myanmar), China dan India menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara ini.

- Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki pula dipengaruhi oleh **ikatan keagamaan** yang terjalin sejak sekian lama.
- **Selepas mencapai kemerdekaan**, negara kita telah menyertai pertubuhan Komanwel.

#### ● Keperluan Nasional

- Keperluan nasional bermaksud memberikan **keutamaan kepada kepentingan negara**.
- Dalam Menggubal dasar luar, kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun **dasar yang menguntungkan negara**.
- Kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau.
- Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia **menjaga kebajikan rakyat Malaysia di luar negara** sekiranya diperlukan.

#### ● Kepimpinan

- **Kebijaksanaan seseorang pemimpin** negara turut menjadi asas penting dalam pengubalan dasar luar Malaysia.
- Pemimpin perlu **peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa** serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara.
- Dasar **menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun** pada tahun 1990-an merupakan satu perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Persekitaran Luar
  - Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah menyebabkan **penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku.**
  - Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika **Era Perang Dingin**. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat.

Malaysia mengubah dasar daripada **probarat kepada tidak berpihak** berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an.

## CABARAN KUKUHKAN DASAR LUAR

Cabaran politik antarabangsa

- Malaysia mengamalkan **dasar bekecuali** apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi
- Ini menyebabkan Malaysia **menjalinkan hubungan dengan China** melalui lawatan Tun Abdul Razak pada 1974

Cabaran Politik Serantau

- Berlaku **kebanjiran pendatang asing** Vietnam di Asia Tenggara termasuk Malaysia
- 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemunculan Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia

- Bagi **membincangkan pergolakan di Indochina** serta masa hadapan rantau Asia Tenggara

Cabaran Keselamatan dan Pertahanan

- **Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA)** - perjanjian antara Malaysia dengan Britain ditamatkan pada 1971
- Berikutan, Malaysia tandatangan FPDA Five Power Defence Arrangements pada 16.4. 1971
- Malaysia akan peroleh **bantuan teknikal dan latihan** bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara melalui FPDA
- Malaysia **bekerjasama dengan ASEAN** dalam memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara

Cabaran Pembangunan Ekonomi

- Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa berkaitan ekonomi seperti ITC dan GATT
- Desakan Malaysia agar **harga barangan dapat dikawal** disuarakan melalui organisasi
- Malaysia **menubuhkan PETRONAS** pada 1974 untuk bangunkan sektor minyak dan gas

## PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

Penglibatan Malaysia

- **Persatuan Negara-negara Asia (ASA)** ditubuhkan (1961)
  - Malaysia, Filipina dan Thailand

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Pada 1963, **MAPHILINDO** diwujudkan untuk wujudkan **persefahaman dan selesaikan isu pembentukan Malaysia**
  - Malaysia, Indonesia dan Filipina
  - Pertubuhan ini **GAGAL**
- **ASEAN** ditubuhkan pada 1967 bertujuan untuk tingkatan **semangat setia kawan dan keserantauan**
  - Awal – Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand
  - Kemudian – Menerima Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam

## Matlamat

- Mengekalkan **kestabilan politik di rantau Asia Tenggara**
- **Bekerjasama** dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan antara ahli anggota
- **Meningkatkan taraf hidup rakyat**
- Mengadakan hubungan erat dengan persatuan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa

## Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

- Tujuan = **Mengekalkan keamanan dan kestabilan** politik rantau Asia Tenggara
- **Tiada campur tangan kuasa-kuasa besar**
- Langkah Malaysia menjalinkan **hubungan dengan China** turut dilihat sebagai sebahagian daripada konsep ZOPFAN
- Malaysia menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk **mengisytiharkan perubahan dasar luar negara** pada peringkat serantau dan global

## Penyelesaian Konflik Serantau

- Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian
- Malaysia **menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan** dalam isu Vietnam
- **Isu Kemboja berjaya diselesaikan** melalui pilihan raya, 1993
- Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC)

## Kerjasama Ekonomi

- 1978, **Projek Industri ASEAN (AIP)** dimulakan
  - **Projek Baja UREA** (Indonesia dan Malaysia)
  - Pengeluaran **baja fosfat dan kuprum** di Filipina serta penghasilan **serbuk soda** di Thailand
- Potensi perdagangan antara negara ASEAN yang besar
- Beberapa **insentif** dilaksanakan untuk perdagangan termasuklah melalui **Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)**
  - **Pemotongan cukai barangan** keluaran negara ASEAN melalui skim ini

## Kerjasama Sosial

- Melalui penubuhan SEAMO (Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara)
  - Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan **pendidikan, pertukaran pelajar** dan penubuhan pusat serantau Pendidikan
  - Contoh: **RECSAM – Pusat Serantau Pendidikan Sains dan Matematik**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Kerjasama dalam **bidang kebudayaan** dilaksanakan seperti mengadakan **festival kebudayaan** dan kesenian melalui penubuhan **Tabung Kebudayaan ASEAN**
- **Sukan SEA** untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan

## BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

### 10.1 MALAYSIA DALAM ISU GLOBAL KONTEMPORARI (MASA KINI)

#### Penyalahgunaan Dadah

- Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa **IDEC**
  - Kesungguhan Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah disuarakan dalam forum ini.
- International Criminal Police Organization **INTERPOL** / Polis Antarabangsa
  - Malaysia mendapat kerjasama organisasi ini dalam usaha memerangi dadah
- Malaysia bekerjasama dengan negara lain bagi **menggubal strategi operasi** untuk memerangi dadah
- *Tun Dr. Mahathir* - Terpilih sebagai **Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988**. Malaysia dapat menyuarakan kelantangan memerangi dadah dalam forum PBB.

#### Kempen Antiminyak Sawit

- Gerakan antiminyak sawit yang **dilancarkan oleh negara maju**
  - Menggugat ekonomi negara.
- Isu ini terpaksa dihadapi oleh negara pengeluar minyak sawit seperti **Malaysia dan Indonesia**.
- Minyak sawit
  - **Pesaing utama** kepada **minyak kacang soya** hingga menyebabkan kempen antiminyak sawit dijalankan.
- **Gerakan antiminyak sawit** - Dilaksanakan oleh pengeluar minyak kacang soya (American Soybean Association, ASA) dan pihak NGO Pencinta Alam.
  - **ASA** - Minyak sawit **menjejaskan penjualan minyak kacang soya**.
  - **NGO Pencinta Alam** - Penanaman kepala sawit dianggap sebagai **punca pencemaran alam sekitar**, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar.
- Langkah Malaysia menangani isu ini
  - Melalui pertubuhan **Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)**
  - Mendapatkan **skim pensijilan Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO)** sejak tahun 2019.
  - Tujuan - Menghasilkan **pengeluaran minyak sawit secara mampan** dan pelaksanaan amalan baik seperti **Good Agricultural Practices (GAP)** / Amalan Pertanian Baik.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Tindakan Malaysia secara berhemah** dalam menangani isu kempen antiminyak sawit ini untuk **mengelakkan sebarang konflik** dengan negara lain.

- Malaysia menyambut **Hari AIDS Sedunia** pada 1 Disember setiap tahun.

## 10.3 - PELIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN

- Tujuan = Malaysia memperjuangkan hak asasi manusia dan keamanan sejagat
- Cara = Mengadakan misi kesukarelawanan dan bantuan kemanusiaan kepada golongan atau negara yang memerlukan – Mangsa peperangan atau Mangsa Bencana Alam

### Isu Palestin

- **Rejim Zionis Israel**
  - Sejak 1948 - melakukan **kekejaman, pengusiran dan pembunuhan** terhadap penduduk **Palestin**.
- Malaysia memperjuangkan **hak dan keadilan rakyat Palestin** mendapat pembelaan.
- Pelibatan Rakyat - **Melalui NGO** yang membolehkan satu bentuk koordinasi membantu warga Palestin dapat dilaksanakan.
- Antara NGO yang aktif – Aman Palestin, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Cinta Gaza Malaysia (CGM) dan Muslim Care Malaysia.
  - **Aman Palestin 2006**
    - 2006 - Didaftarkan dan menjasi organisasi
    - **Sumbangan**

Penyakit Berjangkit (**FOKUS PANDEMIK COVID 19**)

- Acquired Immune Deficiency Syndrome (**AIDS**)
  - Dikesan di Malaysia pada tahun 1986. Sehingga 2014, Lebih **100000 kes** dilaporkan dengan lebih **16000 kematian**.
  - Penyakit merebak disebabkan **gaya hidup tidak sihat dan penyalahgunaan dadah**.
  - Langkah yang diambil oleh Malaysia - Melalui **pemeriksaan kesihatan berterusan** dan memberi rawatan kepada mangsa
  - Tindakan ini menyebabkan Malaysia **berjaya mengawal penularan wabak** tersebut
  - WHO memperakui pencapaian Malaysia sebagai antara negara di Asia yang berjaya mengurangkan masalah penularan wabak daripada ibu kepada anak pada tahun 2018
  - 2011 - Malaysia **mendukung hasrat PBB** untuk **menjadikan dunia bebas AIDS** pada tahun **2030** melalui pelaksanaan National Strategik Plan for Ending AIDS (**NSPEA**) / Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Membantu rakyat Palestin secara sistematik, berterusan dan berkesan.
- Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin.
- **Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)**
  - Merupakan **gabungan beberapa buah NGO**.
  - **Sumbangan**
  - Menjalankan **kerja kesukarelawanan** dalam usaha **membantu rakyat Palestin yang tertindas**.
  - Antara aktiviti - **Hari Solidariti Rakyat Palestin**.
- **Cinta Gaza Malaysia (CGM)**
  - Pengasas - **Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman** sejak tahun 2013
  - **Sumbangan**
  - Menjalankan **aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza** terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.
  - **Projek Ramadan 2020** - Bertema "**Ramadahn Bulan Berkongsi Kebahagiaan**" merangkumi *bantuan perubatan, kebajikan belia, teknologu hijau, infrastruktur, pendidikan, pengajian al-Quran serta seni dan budaya*.
- **Muslim Care Malaysia**
  - 2006 - Ditubuhkan.
  - **Sumbangan**
  - Aktif menjalankan **misi kemanusiaan termasuk di Palestin**.
- Rakyat Malaysia turut menyatakan sokongan pada dengan:
  - **Demonstrasi** sebagai tanda sokongan kepada Palestin.
  - Menubuhkan **Tabung Palestin** untuk mengutip sumbangan kewangan kepada **mangsa Zionis di Palestin**.
- **Misi Freedom Flotilla** – Free Gaza Movement
  - Menghantar **bantuan makanan dan perubatan ke Palestin**.
- **Cabaran Misi Kemanusiaan** - Rakyat Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan turut ditawan dan dipenjar.
  - **Mavi Marmara 2010** - 12 orang sukarelawan Malaysia yang berada di dalam kapal Mavi Marmara ditawan oleh pihak Israel
  - **Women's Boat to Gaza 2016** - Dr. Fauziah Mohd Hasan turut serta dalam misi kemanusiaan ke Palestin dalam program "Women's Boat to Gaza" pada Ogos 2016. Kapal Zaytouna-Oliza yang dinaiki beliau ditawan oleh pihak Israel.

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- **Kapal Al-Awda 2018** - Dr. Mohd Afandi Salled menaiki kapal Al-Awda yang ditawan oleh Israel dan beliau dipenjarakan di Israel sebelum dibebaskan kemudiannya.

## Isu Syria

- Isu ini bermula pada tahun 2011 menyebabkan rakyat Syria mengalami kesengsaraan terutamanya masalah kekurangan makanan
- 1 Oktober 2015 - Kerajaan mengumumkan kesediaan menerima 3000 orang pelarian warganegara Syria dalam tempoh 3 tahun secara sukarela atas dasar kemanusiaan/
- NGO yang terlibat membantu Syria termasuklah:
- **Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)**
  - Gabungan 6 buah NGO kemanusiaan.
  - **Sumbangan**
    - **Kempen i4Syria** – Pelbagai bantuan kepada pelarian Syria
    - Mengendalikan aspek (pendidikan, kesihatan dan kebajikan) pelarian Syria yang berada di Malaysia.
- **Cinta Syria Malaysia (CSM)**
  - Ditubuhkan pada tahun 2014
  - **Sumbangan**
    - **Misi Kemanusiaan** – Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia.

- Sekolah “KITA”- Program **pendidikan percuma** untuk anak-anak pelarian Syria.

## • **Global Peace Mission (GPM)**

- Ditubuhkan pada tahun 2001
- Misi Sukarelawan di **30 Negara**
- **Sumbangan**

- Memberikan **bantuan kemanusiaan** kepada pelarian Syria **berupa makanan, ubatan dan peralatan.**

## • **Tabung Kemanusiaan Program Penempatan Migran Syria**

- Dilancarkan pada 20 Mei 2016.
- Rakyat Malaysia memberi **sumbangan melalui tabung ini.**

## • **Perhimpunan Solidariti Sokongan Syria 2017**

- Rakyat Malaysia juga menyertai **perhimpunan solidariti menyokong Syria**
- Menghantar **memorandum bantahan** kepada Kedutaan Syria di Kuala Lumpur.

## **Tsunami di Aceh dan Sri Lanka**

- 2004 - Bencana alam telah memusnahkan **Aceh dan Sri Lanka** menarik perhatian Malaysia.
- Malaysia melancarkan **bantuan segera** seperti bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian.
- NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka
- **Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)**

# NOTA PECUTAN SEJARAH SPM 2021

CIKGU ROZI PTTI

- Ditubuhkan pada tahun 1999 oleh **Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**
- Tujuan = **kesukarelawanan dan kemanusiaan** membabitkan negara berkonflik dan bencana.
- **Sumbangan**
  - Bertindak memberikan **bantuan perubatan** serta **membina semula pusat kesihatan** komuniti di Aceh.
  - **Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka** termasuk sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk
- **Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)**
  - Ditubuhkan pada tahun 1971.
  - Tujuan = **bantuan kemanusiaan** mangsa bencana tsunami di Aceh.
  - **Sumbangan** - **Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan** kepada lebih kurang **120 orang anak yatim** yang menjadi mada tsunami.
- **Yayasan Restu**
  - Ditubuhkan pada tahun 1998
  - **Sumbangan**
  - Memberi bantuan **pendidikan percuma** kepada warga Aceh.
  - Membangunkan **rumah anak yatim Babun Najah** di Ulee Kareung, Aceh.